

## SURAH YANG MAHA PEMURAH



Surah: 55 Juzuk: 27 Bil. Ayat: 78

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. (Allah) Yang Maha Pemurah.
2. Yang telah mengajarkan al-Quran.
3. Dia telah menciptakan manusia.
4. Mengajarnya pandai berbicara.
5. Matahari dan bulan beredar mengikut perhitungan.
6. Dan tumbuhan serta pokok tunduk (kepadaNya).
7. Dan langit telah ditinggikanNya dan Dia meletakkan neraca (keadilan).
8. Supaya kamu tidak melampaui batas dalam timbangan itu.
9. Dan tegakkanlah timbangan dengan adil serta janganlah mengurangkan timbangan itu.
10. Dan bumi telah dibentangkanNya untuk kegunaan makhluk-makhlukNya.
11. Padanya pelbagai jenis buah-buahan dan pohon kurma yang mempunyai kelopak mayang.
12. Dan biji-bijian yang berkulit dan bunga-bunga yang harum baunya.
13. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الرَّحْمَنُ ①  
عَلَّمَ الْقُرْآنَ ②  
خَلَقَ الْإِنْسَانَ ③  
عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ④  
الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ حُسْبَانٍ ⑤  
وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ⑥  
وَالسَّمَاءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ الْمِيزَانَ ⑦  
أَلَّا تَطْغَوْا فِي الْمِيزَانِ ⑧  
وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُوا  
الْمِيزَانَ ⑨  
وَالْأَرْضَ وَضَعَهَا لِلْأَنْعَامِ ⑩  
فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالنَّخْلُ ذَاتُ الْأَكْمَامِ ⑪  
وَالْحَبُّ ذُو الْعَصْفِ وَالرَّيْحَانُ ⑫  
فِي آيَةِ الْآءِ وَنِكْمَاتِكُذِّبَانِ ⑬

14. Dia menciptakan manusia daripada tanah liat kering seperti tembikar.
15. Dan Dia menciptakan jin daripada nyalaan api yang marak menjulang.
16. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
17. Tuhan (yang memelihara) dua timur dan Tuhan (yang memelihara) dua barat.<sup>(1)</sup>
18. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
19. Dia membiarkan dua laut mengalir yang kemudian keduanya bertemu.
20. Di antara keduanya ada batas yang memisahkannya yang tidak melebihi sempadan.<sup>(2)</sup>
21. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
22. Dari kedua-duanya keluar mutiara dan permata.
23. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?

حَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ صَلْصَالٍ كَالْفَخَّارِ ﴿١٤﴾

وَخَلَقَ الْجَانَّ مِنْ مَّارِجٍ مِنْ نَارٍ ﴿١٥﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِبَانِ ﴿١٦﴾

رَبُّ الْمَشْرِقَيْنِ وَرَبُّ الْمَغْرِبَيْنِ ﴿١٧﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِبَانِ ﴿١٨﴾

مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ يَلْتَقِيَانِ ﴿١٩﴾

بَيْنَهُمَا بَرْزَخٌ لَا يَبْغِيَانِ ﴿٢٠﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِبَانِ ﴿٢١﴾

يَخْرُجُ مِنْهُمَا اللُّؤْلُؤُ وَالْمَرْجَانُ ﴿٢٢﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِبَانِ ﴿٢٣﴾

1 Matahari mempunyai dua tempat terbit dan dua tempat terbenam pada musim panas dan musim dingin.

2 Di kalangan ahli tafsir ada yang berpendapat bahawa (la yabghiyān) maksudnya masing-masing tidak mengkehendaki. Dengan demikian maksud ayat 19-20 ialah bahawa ada dua laut yang keduanya terpisah kerana dibatasi oleh tanah genting, tetapi tanah genting itu tidaklah dikehendaki, maka pada akhirnya tanah genting itu dibuang (digali untuk keperluan lalu lintas), maka bertemulah kedua lautan itu seperti Terusan Suez dan Terusan Panama. Ada pandangan lain pula mengatakan dua lautan itu tidak sama sifat airnya. Yang satu airnya masin dan yang satu lagi airnya tawar.

24. Dan Dia menguasai kapal-kapal yang belayar di lautan bagaikan gunung-ganang.
25. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
26. Semua yang berada di atasnya akan binasa.
27. Dan akan kekal wajah Tuhanmu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan.
28. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
29. Apa yang ada di langit dan di bumi sentiasa meminta kepadaNya. Setiap waktu Dia dalam urusan-urusan.<sup>(1)</sup>
30. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
31. Kami akan memberi perhatian sepenuhnya kepada kamu wahai manusia dan jin.
32. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
33. Wahai seluruh jin dan manusia! Jika kamu sanggup menembusi (melintasi) penjuru langit dan bumi maka cubalah kamu menembusnya. Kamu tidak akan mampu menembusnya kecuali dengan kekuatan (daripada Allah).
34. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?

وَاللَّهُ الْجَوَارِ الْمُنشَآتُ فِي الْبَحْرِ كَالْأَعْلَامِ ﴿٢٤﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٢٥﴾

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ ﴿٢٦﴾

وَيَبْقَى وَجْهَ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٢٧﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٢٨﴾

يَسْتَعْلَهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلُّ نَوْمٍ هُوَ فِي سُنَانٍ ﴿٢٩﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٣٠﴾

سَنَفَعُ لَكُمْ أَيُّهُ الثَّقَلَانِ ﴿٣١﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٣٢﴾

يَمَعَّشْتُمْ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِنِ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ ﴿٣٣﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٣٤﴾

1 Allah sentiasa menciptakan, menghidupkan, mematikan, memelihara, memberi rezeki dan lain-lain.

35. Kepada kamu (jin dan manusia) akan dikirim api yang menjulang dan cairan tembaga (panas) sehingga kamu tidak akan dapat menyelamatkan diri (daripada azab itu).
36. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
37. Maka ketika langit telah terbelah lalu ia menjadi mawar merah seperti (kilauan) minyak.
38. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
39. Maka pada hari itu manusia atau jin tidak akan ditanya akan dosanya.
40. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
41. Orang yang berdosa itu dapat dikenali melalui tanda-tandanya, lalu ditarik ubun-ubun dan kakinya.
42. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
43. «Inilah neraka Jahannam yang didustakan oleh orang yang berdosa».
44. Mereka mengelilingi di antara api neraka dan air yang mendidih.
45. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
46. Dan bagi sesiapa yang takut akan saat menghadap Tuhannya ada dua syurga.<sup>(1)</sup>

يُرْسَلُ عَلَيْكُمَا شُوَاظٌ مِّن نَّارٍ وَنُحَاسٌ فَلَا تَنْتَصِرَانِ ﴿٣٥﴾

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٦﴾

فَإِذَا انشَقَّتِ السَّمَاءُ فَكَانَتْ وَرْدَةً كَالدِّهَانِ ﴿٣٧﴾

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٣٨﴾

فَيَوْمَئِذٍ لَا يُسْأَلُ عَنْ ذَنْبِهِ إِنْسٌ وَلَا جَانٌّ ﴿٣٩﴾

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٠﴾

يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ بِسِيمَاهُمْ فَيُؤْخَذُ بِالنَّوَاصِي وَالْأَقْدَامِ ﴿٤١﴾

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٢﴾

هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي يُكَذِّبُ بِهَا الْمُجْرِمُونَ ﴿٤٣﴾

يَطُوفُونَ فِيهَا بَيْنَ أُبُيْنٍ حَمِيمَةٍ إِنِ ﴿٤٤﴾

فَبِأَيِّ آءِ آلَاءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٤٥﴾

وَلَمَن خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّتَانِ ﴿٤٦﴾

1 Dua syurga di sini ialah syurga untuk manusia dan syurga untuk jin. Ada juga ahli tafsir

47. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
48. Kedua-dua syurga itu mempunyai pelbagai pohon dan buah-buahan.
49. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
50. Di dalam kedua-duanya itu terdapat dua mata air yang mengalir.
51. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
52. Di dalam kedua-duanya terdapat pelbagai buah-buahan yang berpasangan.
53. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
54. Mereka bersandar di atas permaidani-permaidani yang lapisan dalamnya diperbuat daripada sutera tebal yang bersulam. Dan buah-buahan di kedua-dua (syurga) itu dapat dipetik dari dekat.
55. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
56. Di dalamnya terdapat bidadari-bidadari yang membatasi pandangan, yang tidak pernah disentuh oleh manusia mahupun jin sebelumnya.
57. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٤٧﴾

ذَوَاتَا أَفْنَانٍ ﴿٤٨﴾

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٤٩﴾

فِيهِمَا عَيْنَانِ تَجْرِيَانِ ﴿٥٠﴾

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٥١﴾

فِيهِمَا مِنْ كُلِّ فَاكِهَةٍ زَوْجَانِ ﴿٥٢﴾

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٥٣﴾

مُتَّكِعِينَ عَلَى فُرُشٍ بَطَائِنُهَا مِنْ إِسْتَبْرَقٍ وَجَنَى الْجَنَّتَيْنِ دَانٍ ﴿٥٤﴾

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٥٥﴾

فِيهِنَّ قَصَصَاتُ الظَّرْفِ لَمْ يَطْمِئِنَّ لَهُنَّ أُنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جِآنٌ ﴿٥٦﴾

فَبِأَيِّ آيَةِ الْآلَاءِ رَبِّكُمْ أَنْتُمْ كَذِبَانٌ ﴿٥٧﴾

58. Seolah-olah mereka (bidadari-bidadari) yakut<sup>(1)</sup> dan permata.
59. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
60. Bukankah tidak ada balasan untuk kebaikan kecuali dengan kebaikan (juga)?
61. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
62. Dan selain daripada dua syurga itu ada dua lagi syurga.<sup>(2)</sup>
63. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
64. Kedua-duanya mempunyai tanaman yang subur menghijau.
65. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
66. Di dalam kedua-duanya (syurga itu) terdapat dua mata air yang memancar.
67. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
68. Di dalam kedua-duanya terdapat buah-buahan, pohon kurma dan delima.
69. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
70. Di dalam kedua-duanya itu juga terdapat (bidadari-bidadari) yang baik akhlaknya dan jelita.

كَأَنَّهُنَّ آيَاتُ فُوتٍ وَالْمَرْجَانُ ﴿٥٨﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٥٩﴾

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَنِ إِلَّا الْإِحْسَنُ ﴿٦٠﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٦١﴾

وَمِنْ دُونِهِمَا جَنَّتَانِ ﴿٦٢﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٦٣﴾

مُدْهَامَتَانِ ﴿٦٤﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٦٥﴾

فِيهِمَا عَيْنَانِ نَضَّاخَتَانِ ﴿٦٦﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٦٧﴾

فِيهِمَا فَاكِهَةٌ وَنَخْلٌ وَرُمَّانٌ ﴿٦٨﴾

فِي آيَةِ آءِ رَبِّكُمْ أَكْذِبَانَ ﴿٦٩﴾

فِيهِنَّ حَبِيبَاتٌ حَسَنَاتٌ ﴿٧٠﴾

1 Yakut adalah sejenis permata.

2 Selain dua syurga yang tersebut di atas, ada lagi dua syurga yang disediakan untuk orang yang beriman yang kurang darjatnya daripada orang beriman yang dimasukkan ke dalam syurga yang pertama.

71. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
72. Bidadari-bidadari yang menetap di mahligai masing-masing.
73. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
74. Mereka sebelumnya tidak pernah disentuh oleh manusia mahupun jin.
75. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
76. Mereka bersandar pada bantal-bantal yang berwarna hijau serta permaidani-permaidani yang indah.
77. Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah kamu dustakan?
78. Maha Suci nama Tuhanmu Pemilik Keagungan dan Kemuliaan.

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٧١﴾

حُورٌ مَّقْصُورَاتٌ فِي الْخِيَامِ ﴿٧٢﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٧٣﴾

لَمْ يَطْمِئِنَّهُنَّ إِنْسٌ قَبْلَهُمْ وَلَا جَانٌ ﴿٧٤﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٧٥﴾

مُتَّكِئِينَ عَلَى رَفُوفٍ خُضْرٍ وَعَبَقَرِيٍّ

حِسَانٍ ﴿٧٦﴾

فِي أَيِّ آءِ الْآءِ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿٧٧﴾

تَبَّكَ أَسْمُ رَبِّكَ ذِي الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ ﴿٧٨﴾

